

|           |                 |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | Berita Harian   |
| Date      | 2 November 2015 |

**MALAYSIA DINOBAT DESTINASI PELANCONGAN UTAMA DI ASIA**

# PM puji Tourism Malaysia promosi industri pelancongan

*BH-2/11/2015*



**» Syarikat, agensi negara turut unggul 6 daripada 83 kategori**

**Oleh Ahmad Suhael Adnan**  
ahmad.suhael@bh.com.my

**► Kuala Lumpur**

**D**atuk Seri Najib Razak mengucapkan tahniah kepada Tourism Malaysia atas usaha mempromosikan industri pelancongan negara hingga dinobatkan sebagai destinasi pelancongan utama di Asia.

Perdana Menteri turut mengucapkan tahniah kepada agensi di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan atas usaha mereka.

"Baru-baru ini, Malaysia dinamakan sebagai destinasi pelancongan utama di Asia dan Georgetown pula menduduki tangga ke-4 bagi kategori Pelancongan Terbaik 2016.

"Tahniah@TourismMalaysia!" katanya menerusi laman Twitter-nya, semalam.

**Peringkat Asia**  
Malaysia dipilih destinasi pelancongan pilihan nombor satu di Asia pada majlis Anugerah Pelancongan Dunia (World Travel Awards) 2015 peringkat Asia yang diadakan di Hong Kong pada 29 Oktober lalu. Pemenang dipilih oleh agensi pelancongan dari seluruh dunia.

Selain sebagai destinasi pelancongan utama Asia, agensi dan syarikat Malaysia juga mengungguli enam daripada 83 kategori yang dipertandingkan bagi benua Asia.

Yang turut menerima World Travel Awards 2015 ialah Tourism Malaysia bagi kategori Lembaga Pelancongan Terbaik Asia, manakala bagi kategori penerbangan, AirAsia dipilih sebagai Krew Kabin Terbaik Asia.

Turut menang, Resorts World Genting bagi kategori Taman Te-

ma Terkemuka Asia, One World Hotel (Hotel Mesyuarat & Persidangan Terkemuka Asia), selain Pangkor Laut Resort (Lokasi Perkahwinan Terkemuka Asia).

Berucap pada majlis itu, Presiden World Travel Awards, Graham Cooke, berkata adalah satu penghormatan baginya untuk mengumumkan dan mengiktiraf peneraju industri pelancongan di Asia dan Australasia.

"Tahniah pada semua pemenang (peringkat Asia) dan saya menantikan untuk bertemu dengan semua penerima anugerah ini pada Pusingan Akhir (peringkat Dunia) di Maghribi, Disember depan," katanya dalam satu kenyataan di laman web anugerah itu.

Anugerah Pelancongan Dunia bermula pada tahun 1993 itu mengiktiraf pemenang dalam sektor pelancongan berdasarkan benua dan kawasan seperti Asia, Australasia, Asia Barat, Afrika, Caribbean, Amerika Tengah, Eropah, Lautan Hindi, Amerika Utara dan Amerika Selatan.

Pemenang bagi setiap benua akan dicalonkan bagi Anugerah Pelancongan peringkat dunia, Disember depan.

**Cooke (dua dari kanan) bersama wakil Tourism Malaysia.**

